

# Fakulti Pertanian Lestari jadi kebanggaan

B4 22.11.2014 //

**Kota Kinabalu:** Selepas hampir 20 tahun penubuhan Universiti Malaysia Sabah (UMS), pelbagai aktiviti serta sumbangan dijayaikan khususnya untuk masyarakat setempat.

Ini terbukti apabila penubuhannya berjaya melahirkan 47,000 graduan sejak ditubuhkan pada tahun 1994.

Tidak hanya tertumpu di dalam bilik kuliah, UMS turut mendekati-masyarakat bandar dan luar bandar sebagai salah satu usaha merakyatkan ilmu kepada anak bangsa.

**Kampus cawangan Sandakan**  
Ternyata kewujudan UMS hari ini mengubah realiti kehidupan masyarakat pantai timur Sabah menerusi pembukaan kampus cawangan Sandakan melalui Fakulti Pertanian Lestari (FPL) pada tahun 2006 yang menjadi antara



**Majlis pelancaran projek pembinaan kampus UMS cawangan Sandakan oleh Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman (tiga dari kiri).**

langkah serius universiti itu dalam memajukan bidang pendidikan.

Hasilnya, UMS berjaya melatih pelajar menjadi tenaga mahir bagi membantu meningkatkan hasil

dan ekonomi pertanian negara.

Selain itu, kepakaran dalam bidang penyelidikan marin yang dimiliki UMS terus dikongsi dengan mewujudkan pusat penanaman rumpai laut di Pulau Se-

lakan, Semporna.

Sejak penubuhan pusat terbaik pada tahun 2012, UMS sudah membantu bidang ekonomi masyarakat Bajau Laut (Pala'u) dengan memberi peluang pekerja-

an kepada golongan berkenaan.

Tidak terhenti di situ, baru-baru ini UMS menerusi Bahagian Media dan Citra (BMC) mendekati serta berinteraksi dengan penduduk Pala'u di penempatan Bajau Laut Pulau Gusungan, Semporna.

Kamal, seorang penduduk di kepulauan itu ketika ditemui sempat menzahirkan kegembiran dengan kunjungan UMS yang diketuai Johaidi Alfie sambil menitipkan harapan agar universiti itu lebih kerap menziarahi perkampungan mereka.

Usaha itu diambil bagi menjalankan tanggungjawab sosial korporat (CSR) universiti itu kepada masyarakat, terutama yang tinggal di penempatan luar bandar.

UMS yang menyambut ulang tahun ke-20 pada 24 November ini terus bertekad cemerlang untuk mendidik dan melahirkan graduan yang teguh modal insan serta bersedia membala budi bagi menyumbang semula bakti kepada pembangunan masyarakat dan negara.